

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG CHEN
[KELANA JAYA]

TARIKH : 27 MEI 2015 (RABU)

SOALAN :

Tuan Wong Chen [Kelana Jaya] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilangan rakyat Malaysia yang telah berpindah keluar negara pada tahun 2013 dan 2014, apakah kumpulan umur mereka, apakah kaum mereka, dan berapa peratus daripada bilangan tersebut telah berpendapatan lebih daripada RM5,000 sebulan.

**JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Mengikut Laporan *Malaysia Economic Monitor: Brain Drain* yang diterbitkan oleh Bank Dunia pada April tahun 2011, kira-kira satu juta rakyat Malaysia sedang menetap di luar negara, di mana seorang daripada setiap tiga yang bekerja di luar negara berkepakaran tinggi.
2. Walau bagaimanapun, memahami bahawa dunia kini tanpa sempadan, Kerajaan tidak berhasrat menghalang keinginan dan keupayaan seseorang untuk bermigrasi ke negara yang berpendapatan tinggi. Pada masa yang sama, Kerajaan akan terus berusaha untuk menggunakan fenomena ini untuk manfaat negara, selaras dengan rumusan Laporan Bank Dunia tersebut yang menyatakan, dengan izin "*Brain drain is a wave to be ridden, not a tide to be turned*".
3. Menurut laporan tersebut juga, rakyat Malaysia akan menyumbang kembali manfaat kepada negara walau di mana mereka berada di serata dunia dari aspek:
 - (i) Sumbangan kepada pembinaan jaringan perhubungan global dan memudahkan pemindahan pengetahuan (knowledge-sharing);
 - (ii) Peningkatan keupayaan bidang sains, teknologi dan rangkaian perniagaan;
 - (iii) Sebagai stimulasi kepada perdagangan dan pelaburan asing dalam negara; dan

(iv) Peningkatan produktiviti dan mengukuhkan pembangunan secara inklusif.

4. Komitmen Kerajaan dalam melaksanakan agenda transformasi dan pembangunan negara melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Program Transformasi Ekonomi (ETP) juga telah menarik minat rakyat Malaysia di luar negara untuk pulang ke tanahair. Antara lain, GTP berperanan dalam meningkatkan kualiti hidup rakyat. Di samping itu, ETP memberi tumpuan kepada penyediaan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi.

5. Sehubungan ini, Kerajaan melalui TalentCorp akan terus berusaha untuk bekerjasama dengan syarikat tempatan dalam membina jaringan profesional bersama mereka yang menetap di luar negara untuk mengetengahkan peluang-peluang pekerjaan yang ada serta untuk memanfaatkan (*leverage*) perkongisan pengetahuan dan kepakaran rakyat Malaysia di luar negara yang berhasrat untuk menyumbang kepada negara walau di mana mereka berada.

6. Dalam masa yang sama, *Returning Expert Programme* (REP) akan terus dilaksanakan untuk memudahcara kepulangan tenaga profesional Malaysia di luar negara untuk kembali berkhidmat dalam Negara dan memenuhi kehendak industri sebagaimana yang disasarkan melalui ETP.